

BN menang besar jika semua wanita mengundi

Utusan Online

18 Mac, 2013

KUALA TERENGGANU 17 Mac - Kerajaan Barisan Nasional (BN) di negeri ini mampu mencatatkan kemenangan lebih besar dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 jika sasaran 85 peratus pengundi keluar mengundi pada hari tersebut termasuk 52 peratus golongan wanita berjaya dicapai.

Pengerusi BN Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said berkata, ini bersandarkan keyakinan sokongan golongan wanita kepada parti akan meningkat ekoran penerimaan mereka secara positif terhadap pelbagai program yang dijayakan kerajaan.

Katanya, kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai program untuk golongan itu dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup mereka dan keluarga.

"Tahun ini jika sasaran kita dapat dicapai, maka tidak mustahil kita boleh menang besar dan saya harap semua jentera wanita dapat meneruskan usaha menarik lebih ramai pengundi wanita keluar mengundi dan memberi sokongan kepada BN," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program *1Milion Women Purple Walk 2013* Peringkat Negeri Terengganu di Dataran Shahbandar, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, isteri beliau, Toh Puan Seri Norliza Mahmud; Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Masyarakat dan Wanita negeri, Datuk Yahya Khatib Mohamad; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Tengku Putera Tengku Awang; Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mazlan Ngah serta barisan Exco Kerajaan negeri.

Terdahulu, Ahmad yang juga Menteri Besar turut menyempurnakan acara berjalan kaki sejauh dua kilometer dari Taman Awam Batu Buruk ke Dataran Shahbandar yang disertai lebih 30,000 wanita.

Dalam pada itu, Ahmad menambah, golongan wanita merupakan ejen paling penting untuk menggerakkan jentera pilihan raya.

Sehubungan itu, katanya, pelbagai kumpulan ditubuhkan antaranya Skwad Sayang dan Jaringan Rakyat selain melantik mereka sebagai peraih undi yang merupakan sebahagian daripada manifestasi ke arah pilihan raya.

"Dari sudut siapa yang lebih jujur menyokong, saya pilih wanita kerana golongan ini jika mereka kata mereka sokong BN, maka mereka akan undi BN, tidak seperti lelaki," jelasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130318/px_05/BN--menang--besar-jika--semua-wanita-mengundi